




HIASAN-HIASAN KEPALA LELAKI DAN WANITA KAUM
MINANGKABAU

PEWSYARAH : PN. NAIMAH SALLEH
PN. AZIAH HASHIM
CIK ELLI KAMARIAH

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN MANUSIA

TAJUK : HIASAN KEPALA LELAKI DAN WANITA KAUM
MINANGKABAU

DISEDIAKAN OLEH : KAMSIAH KAMARUDIN 20711
MASTURA KAMARUDIN 22315
AZIZAH ABDULLAH 21249
 SHARIFAH SALMAH SYED HARUN 20582

PRAKATA

I.0 PENDAHULUAN

I.1 Pengenalan 1

2.0 SEJARAH

2.1 Sejarah Dan Asal-Usul Hiasan Kepala

Minangkabau2

3.0 JENIS-JENIS HIASAN KEPALA

3.1 Hiasan Kepala Tradisi Wanita.....5

3.2 Hiasan Kepala Kaum Lelaki.....9

3.3 Cara Melipat Tengkolok Wanita, 10

Minangkabau

3.4 Pakaian Adat Pengantin16

3.5 Gambar Hiasan Kepala

Pengantin Minangkabau19

4.0 Perkembangan Hiasan Kepala25

5.0 PENUTUP26

BIBLIOGRAFI

SENARAI GAMBARMUKASURAT

Gambar 1 :	Bangunan Teratak Perpatih	3
Gambar 2 :	Tengkolok Gonjong	4
Gambar 3 :	Bentuk Asal Kain untuk Membuat Tengkolok	II
Gambar 4 :	Hiasan-Hiasan Kepala Kaum Wanita	12
Gambar 5 :	Hiasan-Hiasan Kepala Lelaki	13 - 15
Gambar 6 :	Contoh-contoh Bunga Sunting	19
Gambar 7 :	Gambar Hiasan Kepala Bagi Pengantin	20 - 21

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. Tuhan seru sekalian alam,. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum kerabat serta pengikutnya.

Alhamdulillah kami telah selesai menyediakan kertas projek bertajuk 'Hiasan-hiasan Kepala Lelaki dan Wanita Kaum Minangkabau'. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang terlibat didalam penyediaan kertas projek ini.

Pertamanya berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada Pn. Naimah, Pn. Aziah serta Cik Elli Kamarish selaku pensyarah kursus Pekoian: Keperluan Asas dan Sekunder (PM 35I), yang telah memberi tunjukajar, nasihat, bimbingan serta dorongan semasa penyediaan kertas kerja ini dijalankan.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norhalim Hj. Ibrahim, pensyarah di Jabatan Sains Kemasyarakatan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang telah banyak membantu kami mendapatkan sumber-sumber kajian projek ini.

Tidak dilupakan juga, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Hajjah Nurmah bt. Zainal, Pengurus Kedai Cahaya Murni, Seremban yang telah banyak memberikan kerjasama kepada penghasilan kertas projek ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih kami tujukan kepada pihak Muzium Negeri, Negeri Sembilan, Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) serta Muzium Negara dan individu-individu yang terlibat secara tidak langsung.

Begitu juga ucapan terima kasih khas kepada ahli-ahli kumpulan yang telah bertungkus lumus menghasilkan kertas projek ini. Kami berharap agar kertas projek ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca.

Sekian Wassalam.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kaum Minangkabau mempunyai ciri-ciri kebudayaan yang unik, di mana nilai estetika yang tinggi dalam kebudayaan Minangkabau ditampilkan dalam cara-cara berpakaian yang masih dipelihara hingga ke hari ini. Kaum Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan adalah berasal dari Sumatera, Indonesia.

Kaum Minangkabau mempunyai berbagai jenis hiasan kepala yang unik sebagai pelengkap pakaian. Warisan tradisi ini dibawa bersama-sama dengan penghijrahan kaum Minangkabau pada masa yang lampau. Hiasan kepala berfungsi sebagai pelengkap pakaian samada untuk upacara-upacara tertentu mahupun untuk pakaian harian kaum Minangkabau pada masa dahulu. Kini kebanyakan daripada hiasan-hiasan kepala ini hanya dipakai untuk majlis istimewa seperti upacara perkahwinan, tarian dan pertabalan Datuk Undang. Jenis-jenis hiasan kepala ini termasuklah tengkolok, saluak, destar, sanggul, sunting, selendang dan gandang.

Bagi kaum lelaki, hiasan kepala yang dipakai dikenali sebagai destar dan saluak. Bentuk hiasan kepala tersebut tidak banyak dipakai pada zaman ini kecuali untuk majlis perkahwinan dan juga untuk menghadiri upacara adat seperti perlantikan Datuk Undang bagi setengah-setengah golongan di Negeri Sembilan.

Bagi kaum wanita pula, hiasan kepala adalah terdiri daripada tengkolok, sanggul, sunting, selendang dan gandak, di mana hiasan-hiasan tersebut hanya dipakai pada masa-masa tertentu seperti menghadiri upacara adat.

2.0 SEJARAH

2.1 Sejarah Dan Asal-Usul Hiasan Kepala Minangkabau

Bentuk-bentuk yang didapati pada tengkolok Minangkabau adalah berasal daripada bentuk perahu, sempena memperingati kedatangan nenek moyang orang Minangkabau yang datang ke Sumatera dengan menaiki perahu. Bagi hiasan kepala yang lain seperti seludang, saluak, destar, sunting, sanggul dan gandek, boleh dilihat dalam pakaian-pakaian tarian seperti tarian tumbuk kalang, tarian piring, randai, rentak kuda, permaian iram dan caklempong.

Pakaian Minangkabau dipercayai diwarisi turun temurun daripada nenek moyang orang Minang yang datang dari Sumatera. Di Negeri Sembilan, masih terdapat berbagai jenis hiasan kepala yang dipakai untuk majlis-majlis tertentu, walaupun bukan lagi menjadi pakaian harian masyarakat Minang. Salah satu upacara yang menekankan kepada pemakaian pakaian tradisional adalah upacara perkahwinan.

Secara amnya, kita dapat melihat terdapat persamaan di antara bentuk Rumah Gadang dengan tengkolok tradisi kaum Minangkabau. Cerita lama yang mengisahkan asal-usul

BIBLIOGRAFI

Shafnir Abu Nain. (1980). Pakaian Adat Minangkabau. Kertas kerja Seminar Internasional mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Jilid 2

Siti Zainon Ismail. (). Pakaian Cara Melayu Negeri Sembilan Simbolisme Adat Perpatih di Wilayah Rentau Minangkabau. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 14, 18-33